



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

LAPORAN STATUS KUALITI UDARA DALAM NEGARA

22 MAC 2020, PUTRAJAYA – Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan pada jam 11 pagi 22 Mac 2020 adalah seperti berikut:

Status kualiti udara	Jumlah kawasan
Baik	20
Sederhana	48
Tidak Sihat	0
Sangat Tidak Sihat	0
Berbahaya	0

Manakala berdasarkan laporan oleh ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) yang berpusat di Singapura pada 21 Mac 2020, bilangan titik panas (hotspot) yang dikesan melalui imej satelit National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) menunjukkan statistik berikut:

Bil.	Lokasi Titik Panas (Hotspot)	Jumlah Titik Panas
1	Kedah	8
2	Pahang	3
3	Sabah	7
4	Perlis	1
5	Terengganu	1
6	Kelantan	1
7	Melaka	1
8	Jumlah	22

Titik panas yang dikesan akan disiasat dibawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Selain itu, di **Sumatera, Indonesia 11 titik panas (hotspot)** yang dikesan dan **tiada titik panas (hotspot) dikesan di Kalimantan, Indonesia.**

Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web JAS di pautan <http://apims.doe.gov.my/v2/> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyIPU di Android 'Google Play' dan di Apple 'App Store'. JAS sentiasa memantau status kualiti udara sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan yang berkuatkuasa dari 18 Mac hingga 31 Mac 2020 ini. Berdasarkan pemerhatian JAS, IPU di kawasan-kawasan bandar utama menunjukkan bacaan baik dan sederhana sepanjang masa.

Semua pihak terus diingatkan agar **TIDAK MELAKUKAN PEMBAKARAN TERBUKA** atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

-TAMAT-

Sebarang maklumat lanjut sila hubungi:

Puan Mashitah Binti Darus
Pengarah Bahagian Udara, Jabatan Alam Sekitar
Tel.: 03-88712317 / Emel: md@doe.gov.my

Encik Sharudin Rosli
Pegawai Perhubungan Awam, Jabatan Alam sekitar Putrajaya
Tel.: 03-88712371 Emel: sharudin@doe.gov.my

Situasi Jerebu Serantau

